

02/05/2001

Ahli Cuepacs diminta terus sokong kerajaan

KUALA LUMPUR, Selasa - Anggota Kongres Kesatuan Sekerja Perkhidmatan Awam (Cuepacs) digesa terus menyokong kerajaan melalui kelembapan ekonomi sekarang kerana kepemimpinan sedia ada prihatin dengan masalah dihadapi kakitangan awam.

Presiden Cuepacs, N Siva Subramaniam, berkata pemimpin kesatuan sekerja tidak harus mengambil kesempatan dengan mengadakan tunjuk perasaan bagi menunjukkan kekuatan mereka.

Beliau berkata, ini kerana Cuepacs percaya sebarang masalah yang dihadapi kakitangan awam dengan kerajaan boleh diselesaikan menerusi jalan rundingan.

"Apa salahnya kita berdiri di belakang Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan menyokong kepimpinan negara apabila negara menghadapi kesusahan kerana inilah pemimpin yang membantu Cuepacs dan pekerja.

"Kita harus balas dengan sokongan penuh. Tidak harus mengambil kesempatan ini untuk menunjukkan kita lebih kuat daripada kerajaan," katanya pada majlis Perhimpunan Hari Pekerja 2001 Bagi Anggota Sektor Awam di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) di Bukit Kiara, di sini, hari ini.

Siva berkata, Cuepacs sangat rapat dengan Perdana Menteri kerana apabila pekerja menghadapi sesuatu masalah, beliau orang pertama yang ditemui kesatuan itu.

Katanya, konsep rakan kongsi bijak yang diilhamkan Perdana Menteri turut diamalkan oleh Cuepacs.

"Walaupun Cuepacs membuat pelbagai tuntutan seperti sistem gaji yang lebih baik, kakitangan awam bersatu membantu kerajaan ketika masalah ekonomi.

Beliau berkata, sebagai negara yang mengamalkan demokrasi, pemimpin kesatuan sekerja di negara ini bernasib baik kerana masih bebas mengkritik kerajaan sedangkan keadaan sedemikian tidak boleh dilihat di kebanyakan negara lain.

(END)